



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2 petang, 15 Julai 2025

Untuk Terbitan Media
15 Julai 2025

SIARAN MEDIA

TRAGEDI SUNGAI KOROK, WARIS TUNGGAL PUTRI QISYA TERIMA DUA FAEDAH PERKESO

KUALA LUMPUR: Anak sulung mangsa tragedi Sungai Korok disahkan layak menerima Pencen Penakat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), hasil caruman Allahyarham bapanya.

Hasil semakan dan penelitian PERKESO, Mohamad Azim Izat Ishak, 31, yang menjadi antara korban dalam nahtas berkenaan merupakan pencarum aktif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), dengan rekod pekerjaan terakhir sebagai pengawal keselamatan.

“Menerusi caruman itu waris yang merupakan anak sulung, Putri Qisyah layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM3,000 secara sekali bayar serta Pencen Penakat bulanan berjumlah RM576.25 sehingga berusia 21 tahun atau hingga tamat ijazah pertama.

“PERKESO menzahirkan rasa simpati dan dukacita yang mendalam atas kejadian menyayat hati ini dan kekal komited untuk memastikan kebajikan waris mangsa terus terpelihara.

“Justeru, bantuan tambahan termasuk intervensi pendidikan, penjagaan emosi dan psikososial sedang diperinci menerusi Program Sinergi Sosial demi memastikan anak sulung arwah mendapat sokongan jangka panjang sewajarnya,” menurut PERKESO dalam kenyataan dikeluarkan hari ini.

Sebelum ini Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, ketika hadir merasmikan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan MYFutureJobs anjuran PERKESO di Kompleks Penjara Seberang Perai pada 10 Julai lalu dilaporkan berkata semakan caruman mangsa nahtas Sungai Korok akan segera dilaksanakan untuk menyalurkan bantuan yang berhak kepada waris.

Biarpun malang tidak berbau, tragedi ini menjadi bukti nyata mengenai peran penting sistem perlindungan sosial seperti disediakan PERKESO yang bukan sekadar berperanan sebagai perlindungan kewangan, tetapi benteng terakhir buat keluarga pekerja andai berdepan situasi luar jangka.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’.

PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Julai 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Iklil

Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my